

# 900,000 ekar tanah akan dimajukan di Kedah di bawah RME

ALOR SETAR, Rabu — Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) akan memajukan kira-kira 900,000 ekar tanah di luar kawasan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan rancangan-rancangan lima tahun lain yang akan datang.

KEDA akan memajukan 600,000 ekar kebun kecil, 140,000 ekar sawah, 85,000 ekar dusun dan beberapa ribu ekar kawasan hutan di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Daerah Baling, yang diifatkan paling mundur di Negeri Kedah, merupakan matlamat utama KEDA untuk dimajukan sebagai sebuah kawasan berasaskan pertanian yang penting.

Menurut satu sumber KEDA, Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Shariff Ahmad akan mengumumkan pelaksanaan beberapa projek ekonomi di Baling apabila beliau melancarkan cawangan pejabat KEDA di Baling pada 29 Jun.

Pengeluaran padi dan getah akan dipertingkatkan di daerah itu yang akan mempunyai enam projek tanaman padi dua kali setahun meliputi kawasan 2,000 ekar.

## Dilaksana

Satu skim untuk mempercepatkan tanaman semula getah melibatkan 35,000 ekar kebun kecil akan juga dilaksanakan bagi membaiki pendapatan pekebun kecil di situ.

Datuk Shariff juga dijangka akan mengumumkan penubuhan sebuah industri yang menggunakan ramai pekerja di Baling dan perliantikan pakar pertanian MADA, Dr. Afifuddin Haji Omar sebagai Pengurus Besar KEDA yang pertama.

Pengerusi KEDA ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin yang dilantik oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad apabila ia mengumumkan penubuhan KEDA pada 28 Februari.

Antara lain matlamat KEDA ialah menggalak mudah dan menyertai pembangunan ekonomi dan sosial negeri ini di samping mengawalserta menyelaras aktiviti-aktiviti agensi kerajaan di kawasan tersebut.

Menurut sumber tersebut KEDA juga berharap untuk mewujudkan sebuah bank Tanah bagi menyimpan rekod mengenai tanah Kerajaan simpanan Melayu untuk penggunaan masa depan — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ...

No. Pener ...